

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah terkini pelarian pemegang kad UNHCR yang berada di Malaysia dan daripada negara manakah pelarian yang tertinggi direkodkan.**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik UNHCR sehingga 30 April 2016, terdapat seramai 154,148 'pelarian' dan pemohon suaka di Semenanjung Malaysia dari 60 buah buah negara. Daripada jumlah tersebut, 'pelarian' dan pemohon suaka dari negara Myanmar mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 139,776 atau lebih 90% daripada jumlah keseluruhan 'pelarian' dan pemohon suaka di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.